

23 JUN 2002

Mahathir-Cuti

DR MAHATHIR BERLEPAS KE LUAR NEGARA UNTUK BERCUTI REHAT

KUALA LUMPUR, 23 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas ke luar negara pagi ini untuk bercuti rehat selama seminggu di Eropah.

Setiausaha Akhbar Perdana Menteri Datuk Zakaria Abdul Wahab berkata Dr Mahathir yang ditemani isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, berlepas dengan pesawat eksekutif kerajaan dari pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia, Subang kira-kira pukul 10 pagi.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Penasihat Agama Kepada Perdana Menteri Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman dan para kakitangan Pejabat Perdana Menteri adalah antara mereka yang berada di lapangan terbang untuk mengucapkan selamat jalan.

Sebelum berlepas, Dr Abdul Hamid membacakan doa selamat.

Mengikut jadual asal, Perdana Menteri sepatutnya berlepas ke luar negara malam ini.

Semalam Dr Mahathir membuat kenyataan mengejutkan negara pada akhir Perhimpunan Agung Umno apabila mengumumkan keputusan meletakkan semua jawatan parti Umno dan Barisan Nasional tetapi menarik balik keputusannya itu selepas dirayu para anggota Majlis Tertinggi parti.

Difahamkan bahawa pada pukul 9 pagi ini Abdullah, dan ketiga-tiga naib presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Tan Sri Muhammad Muhammad Taib berjumpa dengan Dr Mahathir di Seri Perdana, Putrajaya.

Yang turut hadir ialah Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob dan Ketua Pergerakan Wanita Umno Datuk Seri Rafidah Aziz.

-- BERNAMA

AFY AFY RON